

15 DEC 2000
BOC-OPERASI
BANK OF CHINA SAMBUNG OPERASI SELEPAS 40 TAHUN

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Bank Of China (BOC) membuka semula operasinya di Malaysia hari ini, 40 tahun selepas keperluan undang-undang telah memaksanya menghentikan operasi di negara ini.

BOC, bank perdagangan milik negara keempat terbesar di China, akan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan termasuklah pembiayaan perdagangan, pinjaman komersial, deposit dan akaun simpanan.

Cawangan BOC di sini, terletak di Plaza OSK, Jalan Ampang, diterajui oleh Zhang Lianli sebagai Pengarah dan Pengurus Besar.

Zhang ketika ditemui pemberita di pelancaran awal cawangan itu hari ini, berkata peluang untuk membuka semula operasi BOC di Malaysia bermula pada 22 Nov lalu apabila Malaysia dan China memeterai satu Memorandum Persefahaman penubuhan institusi perbankan di negara antara satu sama lain.

Permeterian MoU itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China, Zhu Rongji yang mengunjungi Malaysia baru-baru ini.

Susulan MoU itu, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan keputusannya untuk menyerahkan semula permit BOC bagi memulakan operasi perbankan di negara ini bermula 1 Ogos tahun ini.

Bagi pihak Malaysia, benefisiarinya adalah Malayan Banking Bhd yang dijadualkan membuka cawangannya di bandar perdagangan Shanghai pada Januari tahun depan.

BOC terpaksa menyerahkan lesen perbankannya pada 1960 berikutan keputusan kerajaan Malaysia tidak membenarkan bank-bank di bawah kawalan kerajaan asing beroperasi di Malaysia.

Bagaimanapun, pembukaan semula itu menjadi kenyataan hanya selepas Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dipinda empat tahun lalu.

Diasaskan pada 1912, BOC adalah bank tertua di China dan disenaraikan dalam Fortune 500 selama 11 tahun berturut-turut.

Bank itu juga dipilih "Bank Domestik Terbaik" di China oleh Euromoney daripada 1992 hingga 1999.

Menjelang akhir tahun 1999, BOC mempunyai 15,228 cawangan dalam negeri dan 557 cawangan luar negeri di 22 negara.

Cawangan di Kuala Lumpur adalah yang keempat di Asia Tenggara, di mana tiga lagi cawangan adalah di Singapura, Bangkok dan Ho Chi Minh City.

Turut hadir di pelancaran awal hari ini adalah Duta China ke Malaysia, Guan Dengming.

-- BERNAMA
RBZ MFJ ZK MA